



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PULAU PINANG

NAMA

KELAS

**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PULAU PINANG****MAJLIS PENGETUA SEKOLAH-SEKOLAH PULAU PINANG**

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2025
PENDIDIKAN ISLAM
Kertas 1

1223/1**2 jam 30 minit****Dua Jam Tiga Puluh Minit**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi lima soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.*
4. **Buku jawapan** *hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 6 halaman bercetak.

Jawab semua soalan

1 (a) Firman Allah SWT :

قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِكُمْ سُنَنٌ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكْذِبِينَ ﴿١٣٧﴾ هَذَا بَيَانٌ لِلنَّاسِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٨﴾ وَلَا تَهِنُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَنْتُمُ الْأَعْلَوْنَ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿١٣٩﴾

(Surah Ali Imran:137-139)

Ayat di atas menjelaskan mengenai Sunnatullah.

(i) Nyatakan maksud Sunnatullah. [2 markah]

(ii) Jelaskan kesan memahami Sunnatullah. [2 markah]

(iii)

JAKIM mendedahkan, anggota masyarakat gay direkodkan meningkat hampir 100 peratus, iaitu seramai 310,000 individu pada tahun ini, berbanding 173,000 lima tahun lalu.

Manakala, golongan transgender pula merekodkan peningkatan kepada 30,000 individu pada tahun ini, berbanding seramai 10,000 pada 1988.

Sumber : <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/10/491972/bilangan-gay-transgender-semakin-meningkat-jakim>

Keratan akhbar di atas menunjukkan wujudnya golongan yang mengamalkan cara hidup bercanggah dengan konsep Sunnatullah.

(1) Mengapakah berlaku situasi di atas? [2 markah]

(2) Ramalkan perkara yang akan berlaku sekiranya situasi tersebut tidak dibendung. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:
 سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمْ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ : الإِمَامُ الْعَادِلُ ، وَشَابٌّ نَشَأَ فِي عِبَادَةِ رَبِّهِ ،
 وَرَجُلٌ قَلْبُهُ مُعَلَّقٌ فِي الْمَسَاجِدِ ، وَرَجُلَانِ تَحَابَّبَا فِي اللَّهِ اجْتَمَعَا عَلَيْهِ وَتَفَرَّقَا عَلَيْهِ ،
 وَرَجُلٌ ظَلَبَتْهُ امْرَأَةٌ ذَاتُ مَنْصِبٍ وَجَمَالٍ فَقَالَ : إِنِّي أَخَافُ اللَّهَ ، وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ أَخْفَى حَتَّى
 لَا تَعْلَمَ شِمَالُهُ مَا تُنْفِقُ يَمِينُهُ ، وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللَّهَ خَالِيًا ففَاضَتْ عَيْنَاهُ .
 (متفق عليه)

Hadis di atas menerangkan mengenai tujuh golongan yang mendapat naungan Allah SWT.

(i) Nyatakan **dua** golongan tersebut. [2 markah]

(ii) Terangkan pengajaran hadis di atas. [2 markah]

(iii)



Apakah tindakan anda sekiranya berhadapan dengan individu seperti dalam gambar di atas? Huraikan. [4 markah]

(c) Nyatakan **dua** jenis waqaf. [2 markah]

2 (a) (i) Nyatakan takrif ajaran sesat. [2 markah]


(ii) Jelaskan **dua** ciri ajaran sesat dari aspek ibadah. [4 markah]

(iii) **Rakan anda telah terjebak dengan ajaran yang mengaku gurunya boleh menebus dosa.**

Apakah usaha yang wajar anda lakukan untuk membersihkan akidah rakan tersebut? Huraikan. [4 markah]

(b) (i) Nyatakan maksud nama Allah SWT al-Syahid. [2 markah]

(ii) Jelaskan bukti Allah SWT bersifat al-Syahid. [2 markah]

(iii) 
Maksudnya: Dan sesungguhnya Allah SWT menjadi saksi atas tiap-tiap sesuatu
(Surah al- Mujadalah: 6)

(1) Sebagai seorang yang beriman dengan ayat di atas, bagaimanakah anda membuktikan keimanan tersebut? [2 markah]

(2) Huraikan akibat jika umat Islam tidak mengambil ibrah daripada ayat tersebut [4 markah]

3. (a) Jemaah haji yang meninggalkan rukun haji akan menyebabkan hajinya terbatal.

(i) Senaraikan **dua** rukun haji. [2 markah]

(ii) **Suntikan vaksin untuk jemaah umrah**
Dalam hal ini, pengambilan suntikan vaksin meningokokus kuadrivalen merupakan antara syarat wajib untuk bakal jemaah mendapat kelulusan visa.
Sumber diubahsuai : <https://www.moh.gov.my/index>

Huraikan pandangan anda bagi menyokong pernyataan di atas. [4 markah]

(b) (i) Apakah maksud solat sunat duha? [2 markah]

(ii) Jelaskan hikmah menunaikan solat sunat duha. [2 markah]

(c) (i) Nyatakan maksud anak angkat? [2 markah]

(ii) Nyatakan **dua** hak yang diperolehi oleh anak angkat. [2 markah]

(iii) **Ibu bapa angkat rahsiakan status anak angkat**

(1) Wajarkah tindakan seperti situasi di atas? Terangkan. [2 markah]

(2) Berdasarkan jawapan anda di 3 (c) (iii) (1), bagaimanakah cara mewujudkan keharmonian dalam hubungan antara keluarga angkat dengan anak angkat? Huraikan. [4 markah]

4. (a) (i) Senaraikan **dua** khalifah terkenal pada zaman kerajaan Umaiyah. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** faktor kegemilangan kerajaan Umaiyah dari aspek ketenteraan. [4 markah]

(iii) Pada zaman kerajaan Umaiyah rakyat menguasai pelbagai ilmu naqli seperti al-Quran, tafsir, hadis dan nahu.

Ramalkan sekiranya umat Islam hari ini mengabaikan penguasaan ilmu di atas. [4 markah]

(b) (i) Nyatakan sejarah ringkas kerajaan Uthmaniyah. [2 markah]

(ii) Terangkan faktor kemerosotan kerajaan Uthmaniyah. [2 markah]

(c) Pencapaian Profesor Ahmad bin Ibrahim sebagai tokoh perundangan dan akademik tersohor mampu menjadi sumber inspirasi kepada remaja untuk menceburi bidang profesional.

(1) Bagaimanakah anda mencontohi kesungguhan beliau untuk mencapai kejayaan seperti di atas? [2 markah]

(2) Apakah yang akan berlaku sekiranya masyarakat tidak mengambil iktibar daripada keunggulan tokoh tersebut? Huraikan. [4 markah]

5. (a) Islam sangat menuntut umatnya bersikap benar dalam kehidupan.

(i) Nyatakan maksud bersikap benar. [2 markah]

(ii) Terangkan **dua** hikmah bersikap benar dalam kehidupan. [4 markah]

(b) (i) Jelaskan **dua** contoh perbuatan memelihara ekosistem kehidupan flora dan fauna. [4 markah]

(ii)



(1) Berdasarkan gambar di atas, apakah yang akan berlaku sekiranya tiada papan tanda arahan tersebut? [2 markah]

(2) Adakah memadai dengan meletakkan papan tanda seperti dalam gambar di atas untuk menjaga kelestarian alam sekitar? Huraikan hujah anda. [4 markah]

(c)

SIFAT HASAD MERACUNI HATI

Cadangkan cara melahirkan masyarakat yang cakna dengan pernyataan di atas.

[4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT